

Tuan Perdana Menteri,

## **I. PERSOKONGAN PEMBATALAN**

Kesalahan merogol di bawah Seksyen 375, Kod Penal, (The Code), bermaksud, kemasukan tanpa persetujuan oleh seorang lelaki, menggunakan zakarnya, ke dalam rahim wanita. Seksyen 375(4) memperuntukkan, kecuali dalam situasi yang terhad tidak merangkumi kebanyakan wanita yang telah berkahwin, akta ini tidak di menganggap sebagai rogol, jika si pelaku dan mangsa adalah berkahwin sesama sendiri. Seperti Seksyen 375(4), Seksyen 376A pula memperuntukkan kesalahan “kemasukan seksual ke atas golongan minor dibawah umur 16 tahun” dan Seksyen 376A(5) memperuntukkan (tertakluk kepada batasan yang sama) yang mana kesalahan ini adalah bukan kesalahan jika seorang lelaki menggunakan zakarnya untuk menembusi seorang perempuan berumur 16 tahun, jika pesalah dan mangsa adalah berkahwin sesama sendiri.

Kami, yang menandatangani, menulis kepada Tuan sebagai warganegara dan penduduk Singapura, menyokong untuk membatalkan Seksyen 375(4) dan Seksyen 376A(5). Kesan daripada perubahan ini ialah “Kod” tersebut tidak akan membezakan antara kes-kes rogol yang mana pelaku dan mangsa adalah berkahwin sesama sendiri (“rogol perkahwinan”) dan kes-kes rogol yang lain. Semua kemasukan tanpa persetujuan wanita ke dalam rahimnya, dengan zakar lelaki, adalah merupakan rogol. Penalti yang sama adalah tersedia di dalam mahkamah untuk pendakwaan si pesalah “rogol perkahwinan”, sama seperti kesalahan-kesalahan rogol yang lain. Cadangan ini adalah untuk “memusnahkan imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhan”.

## **II. ROGOL PERKAHWINAN ADALAH KEGANASAN**

Kemasukan seksual tanpa persetujuan adalah satu bentuk keganasan yang berat. Ini adalah dikenali di dalam “Kod” tersebut dan di dalam kes perundungan kita, dan adalah sebahagian daripada nilai-nilai asas yang dikongsi oleh masyarakat Singapura. Kewujudan Seksyen 375 (rogol) dan Seksyen 376A (undang-undang rogol statutori yang menganggap golongan minor tidak boleh bersetuju kepada aktiviti seksual) dan penggunaan mereka ke atas kes rogol selain kes rogol perkahwinan menunjukkan hal ini. Yang sama adalah benar untuk Seksyen 376, yang membawa penalti yang sama, dan menyalahi bentuk lain kemasukan seksual secara tanpa persetujuan (contoh: kemasukan anus atau ke mulut . kemasukan dengan menggunakan bahagian tubuh lain selain zakar). Tiada pengecualian “perkahwinan” di bawah Seksyen 376 mahupun pengecualian “perkahwinan” untuk kemasukan secara oral atau secara anal ke atas seorang minor di bawah Seksyen 376A.

Kecuali di dalam keadaan yang terhad seperti mempertahankan diri, keganasan adalah merupakan jenayah. Semua golongan manusia berhak untuk mendapatkan perlindungan undang-undang daripada mereka yang berkenaan. Nilai-nilai masyarakat kita tidak menerima bahawa keadaan ini patut berubah hanya kerana mangsa berkahwin kepada pelakunya. Undang-undang kita tidak membawa “pengecualian perkahwinan” untuk sebarang jenis keganasan yang lain dan tidak terdapat justifikasi untuknya di dalam konteks rogol perkahwinan. Tiada sesiapa yang diberi kebenaran istimewa untuk menumbuk pasangan mereka. Rogol perkahwinan ialah seperti memukul menggunakan organ seksual dan bukan menggunakan tumbukan. Pemusnah imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhannya akan mengenepikan pendekatan tidak konsisten kita terhadap keganasan seksual.

Kami percaya cadangan ini akan memperbaiki institusi perkahwinan. Perkahwinan tidak sepatutnya bermaksud seorang pasangan akan mendapat kurang perlindungan daripada keganasan pasangannya. Pemusnahan imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhan akan memperlihatkan nilai-nilai yang sangat kita hargai, yang memegang bahawa perkahwinan sepatutnya adalah perkongsian berdasarkan kasih sayang oleh individu yang memasuki perhubungan yang memerlukan kepercayaan dan hormat. Keganasan, termasuk kemasukan seksual secara paksa, memusnahkan hubungan kekeluargaan, dan keadaan adalah betul untuk menghukumnya sebagai tindakan jenayah.

### **III. PENGECUALIAN SEMASA ADALAH TIDAK MENCUKUPI**

Buat masa ini, Seksyen 375(4) dan Seksyen 376A(5), ada membenarkan sesetengah kes rogol perkahwinan ditangani seperti kes rogol biasa. Kes ini terutamanya adalah di mana si pelaku dan mangsa tinggal berasingan dan sudah terdapat langkah-langkah tertentu yang diambil bagi memutuskan perkahwinan (e.g. memulakan proses perceraian atau perpisahan), atau langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan perintah perlindungan awam atau injunksi ke atas hubungan seksual dengan si pelaku.

Ini adalah tidak mencukupi. Rogol perkahwinan ialah suatu bentuk jenayah, dan semua rakyat Singapura haruslah dilindungi oleh undang-undang daripada keganasan daripada individu berkenaan, tanpa perlu membuat prosedur sah. Keperluan untuk prosedur sah menyebabkan kesukaran untuk golongan minor dan/ atau golongan wanita yang kurang upaya dari segi mental dan fizikal, terutamanya apabila mereka itu bergantung kepada orang dewasa dan/atau pasangan yang berupaya. Perintah mahkamah tidak semestinya tersedia untuk mereka kerana fasiliti tersebut adalah tertakluk kepada masa operasinya. Tambahan pula, wanita tidak sepatutnya mengagak samada mereka perlu diperlakukan ganas (atau, selalunya, akan mengalami keganasan dahulu, dan mungkin beberapa kali) dan membuat permohonan untuk mendapatkan perintah mahkamah sebelum kod (The Code), mengakui keganasan seksual terhadap mereka sebagai suatu keganasan. Setiap saat perlakuan rogol perkahwinan itu perlu di perlakukan sebagai kesalahan.

### **IV. MEKANISME PELAKSANAAN YANG WUJUD**

Pemusnahan imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhannya tidak akan menyebabkan sebarang kesusahan praktikal yang penting. Sistem kehakiman Singapura mempunyai prosedur-prosedur sedia ada untuk menangani pendakwaan jenayah. Pihak polis, kamar peguam awam dan pihak mahkamah harus mengambil kira bukti-buktia ada unuk menentukan samada seseorang yang dituduh akan didakwa dengan kesalahan. Jika bukti adalah tidak mencukupi bagi mensabitkan kesalahan, maka tertuduh akan dilepaskan. Tetapi Seksyen 375(4) and Seksyen 376A(5) menyatakan jika terdapat bukti yang kukuh, perlakuan kemasukan zakar-rahim tanpa persetujuan adalah merupakan rogol.

Rogol perkahwinan seharusnya ditangani seperti prosedur kehakiman bagi kesalahan-kesalahan lain. Sistem kehakiman jenayah yang sedia ada digunakan untuk menangani kes rogol di mana si pelaku dan mangsa mengenali satu sama lain sebelumnya- menurut statistik Singapore Police Force, keadaan ini adalah untuk hampir kesemua kes rogol bagi tahun 2005 dan 2006. Sistem kehakiman keadilan ini juga digunakan untuk kes keganasan keluarga, termasuk keganasan terhadap

seorang individu terhadap pasangannya. Seksyen 376 dan aspek Seksyen 376A yang meliputi kemasukan secara oral dan anal bermaksud yang system kehakiman perlulah menangani tuduhan perlakuan seksual tanpa persetujuan antara pasangan. Pemusnahan imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhannya akan memusnahkan keadaan yang tidak konsisten, di mana tanpa justifikasi, satu jenis kemasukan tanpa persetujuan ditangani secara berbeza dengan kesalahan jenayah lain.

#### **V. KESIMPULAN**

Berdasarkan hujah di atas, kami yang menandatangani memohon agar Tuan, sebagai wakil demokrasi kami, mengambil langkah segera untuk memansuhkan Seksyen 375(4) dan Seksyen 376A(5) "Kod" dan seterusnya memansuhkan imuniti rogol perkahwinan secara keseluruhannya